


Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Tuhan Perlukan Misionaris

Bulan Oktober lepas di persidangan umum gereja saya memohon supaya lebih banyak dari remaja gereja melayani misi. Setiap pemuda yang layak harus bersedia melayani misi. Pelayanan yang demikian adalah tugas kepaderian dan suatu kewajipan yang Tuhan harapkan dari kita yang telah diberikan begitu banyak. Para remaja lelaki gereja, saya menggalakkan anda dengan tegas untuk bersedia melayani sebagai misionari. Jaga diri anda supaya bersih dan suci untuk mewakili Tuhan. Kekalkan kesihatan dan kekuatanmu. Pelajarilah tulisan suci. Di mana mungkin ambil bahagian dalam seminari dan institut. Biasakan dirimu dengan buku pegangan misionaris *Mengkhobahkan Injil-Ku*.

Para remaja puteri, sedangkan anda tidak mempunyai tugas kepaderian seperti para remaja putera untuk melayani sebagai misionari sepenuh masa, anda juga boleh membuat sumbangan yang berharga sebagai misionari, dan kami mengalu-alukan pelayanamu.

Kepada para saudara dan saudari gereja yang lebih tua, biarlah saya mengingatkan anda bahawa Tuhan perlukan jauh lebih ramai dari anda untuk melayani sebagai misionari sepenuh masa. Jika anda belum mencapai umur untuk melayani sebagai misionaris

tua, saya menggesa anda untuk mempersiapkan diri sekarang supaya pada harinya, bilamana keadaan membenarkan, anda serta pasangan anda dapat melakukan yang demikian. Ada beberapa kali sahaja dalam kehidupan anda ketika anda akan menikmati perasaan jiwa yang manis serta kepuasan yang datang dari pelayanan sepenuh masa bersama di dalam perkerjaan Tuhan.

Mungkin ada beberapa di antara anda berperangai malu dan menganggap diri sebagai tidak layak untuk membalas dengan positif kepada panggilan ini untuk melayani. Ingatlah bahawa ini adalah perkerjaan Tuhan, dan apabila kita berada di dalam pelayanan Tuhan kita berhak menerima pertolongan Tuhan. Tuhan akan membentuk belakang kita agar kita dapat memikul beban yang diletakkan di atasnya.

Orang yang lain, sedangkan layak untuk melayani, mungkin berasa bahawa mereka ada keutamaan yang lebih penting. Tetapi saya ingat janji Tuhan: "Siapa yang menghormati Aku, akan Kuhormati" (1 Samuel 2:30). Tidak ada sesiapa di antara kita yang akan menghormati Bapa kita di Syurga atau Juruselamat kita dengan lebih daripada melalui pelayanan sebagai misionari yang berdedikasi dan penuh belas kasihan.

Suatu teladan pelayanan yang demikian adalah

pengalaman misionari Juliuz dan Dorothy Fussek, yang dipanggil untuk melayani misi di Poland. Saudara Fussek dilahirkan di Poland. Dia pandai berbahasa Poland. Dia menyayangi orang Poland. Saudari Fussek lahir di Inggeris dan tidak tahu banyak mengenai Poland dan tidak tahu apa pun mengenai penduduknya. Dengan percaya kepada Tuhan, mereka berangkat untuk melayani. Perkerjaannya sepi dan tugas mereka berat. Tidak ada Misi Poland yang didirikan pada masa itu. Tugas yang diberikan kepada saudara dan saudari Fusseks adalah mempersiapkan jalan supaya sebuah misi dapat didirikan.

Adakah Elder dan Sister Fussek berduka kerana besarnya tugas mereka? Tidak walaupun sesaat pun. Mereka tahu panggilan mereka berasal dari Tuhan. Mereka berdoa untuk pertolongan ilahi Dia, dan mereka melakukan perkerjaan mereka dengan dedikasi yang penuh semangat.

Dengan masa, Elder Russell M. Nelson dari Kuorum Dua belas Rasul; Elder Hans B. Ringger, yang pada masa itu dalam Kuorum Tujuh puluh; dan Saya, menemani Elder Fussek, bertemu dengan menteri hal-ehwal rohani, Adam Wopatka, dari kerajaan Poland. Kami dengar dia berkata, “Gereja anda disambut di sini. Anda boleh membina bangunanmu; dan anda boleh mengutus misionarismu. Orang ini,” dengan menuding kepada Juliusz Fussek, “telah melayani gerejamu dengan baik. Anda harus bersyukur atas teladannya dalam pelayanannya.”

Seperti Elder dan Sister Fusseks, biar kita melakukan apa yang patut kita melakukan dalam pelayanan Tuhan. Lalu kita dapat, dengan Juliusz dan Dorothy Fussek, melafazkan dengan tindakan kita Mazmur:

“Pertolonganku ialah dari Tuhan, yang menjadikan langit dan bumi.

“. . . Penjagamu tidak akan terlelap.

“Sesungguhnya, Dia yang menjaga Isreal tidak akan terlelap dan tidak akan tertidur” (Mazmur 121:2-4).

MENGAJAR DARI PESAN INI

Mengajar, Tidak Ada Penggilan Lebih Penting berkata: “Kongsi pengalaman perbadi mengenai bagaimana menjalankan asas injil telah meberkati kehidupan anda. Jemput mereka yang anda ajar untuk

berkongsi dengan singkat pengalaman mereka sendiri” ([1999], 159). Baca pesanan ini dan tanya ahli keluarga anda siapa yang Presiden Monson sebut harus melayani misi. Kongsi pengalaman perbadi yang anda atau orang lain mengalami ketika melayani sebagai misionari sepenuh masa. Atau berkongsi rancangan anda untuk melayani sebagai misionari pada masa depan. Tanya ahli keluarga anda untuk berkongsi rancangan mereka dan pengalaman mereka yang positif.

REMAJA

Berbasikal ke Masa Depan

Oleh Peter Evans dan Richard M. Romney

Ramai dari remaja putera gereja mempersiapkan diri dari segi kewangan untuk melayani misi. Di Afrika sebahagian dari persediaan itu adalah menabung cukup wang untuk membayar pasport. Sedrick Tshiambine memperoleh apa yang dia perlu secara perusahaan: dengan menjual buah pisang dari belakang sebuah basikal.

Sedrick tinggal di Luputa, Republik Demokrasi Kongo. Dia salah satu dari 45 remaja putera di distrik Luputa yang berkerja keras menabung duit untuk membeli pasport supaya dapat melayani sebagai misionari. Di Republik Demokrasi Kongo satu pasport berharga \$250 (US), yang senilai dengan dua per tiga harga membina rumah.

Akan tetapi Sedrick tidak serik. Dia memperoleh wang misinya dengan berbasikal 15–30 kilometer (9–19 batu) dari Luputa ke kampung-kampung kecil, di mana dia membeli pisang, dan berbasikal pulang mengharungi gurun savana Afrika yang panas, basikalnya sarat dengan buah untuk dijual di bandar. Setiap minggu dia berbasikal 180 kilometer (112 batu) melalui jalan yang berpasir, dan hanya sekali saja suatu muatan yang berat sebelah menyebabkan dia jatuh.

Untuk usahanya Sedrick mendapat kira-kira \$1.25 seminggu, atau \$65.00 setahun. Proses ini mengambil dia masa empat tahun untuk menabung cukup untuk membeli pasport, tetapi dia sekarang tahu masa depan dia termasuk misi sepenuh masa kerana dia akhirnya sedia dari segi kewangan untuk menbalas panggilan untuk melayani.

KANAK-KANAK

Saya akan Mempersiapkan diri Ketika Saya Muda

Untuk menolong kanak-kanak ingat panggilan Presiden Monson untuk melayani misi, timbanglah membuat sehelai sijil dengan teks dibawah buat anakmu menandatangani dan menyimpan sebagai peringatan, mungkin di dinding mereka atau dalam buku harian mereka.

SAYA AKAN BERSEDIA

Presiden Thomas S. Monson memanggil saya untuk bersedia melayani misi. Saya akan:

- Menjaga diri saya supaya bersih dan suci dan layak untuk mewakili Tuhan.
- Menjaga kesihatan dan kekuatan saya.
- Berdoa dan mengaji tulisan suci.

Mempersiapkan diri untuk melayani misi.

(tanda tangan)



Sejarah dan Warisan Lembaga Pertolongan

Pelajarilah pesanannya ini dan, sebagaimana sesuai, berbicaralah mengenainya dengan saudari-saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang diberikan untuk menolong anda menguatkan para saudari yang anda ditugaskan mengajar dan juga untuk membuat Lembaga Pertolongan sebahagian yang giat dalam kehidupan anda.

Iman • Keluarga • Pertolongan

Eliza R. Snow mengingat Nabi Joseph Smith mengajar bahawa, “walaupun nama [Lembaga Pertolongan] mungkin asalnya dari zaman ini, pertubuhannya asal dari zaman dulu kala.”¹

Bapa yang di Syurga dan Puteranya, Yesus Kristus, mengunjungi Joseph Smith dan, melaluinya, memulihkan kepenuhan injil ke bumi. Lembaga Pertolongan adalah suatu bahagian pemulihan tersebut. Organisasi Gereja tidak lengkap sehingga para isteri teratur.²

Dalam bulan-bulan yang datang, setiap Pesanan Pengajaran Berkunjung akan memberi kita kesempatan untuk belajar lebih banyak berkenaan sejarah Lembaga Pertolongan dan bahagian khususnya dalam injil yang dipulihkan. Untuk banyak sebab, memahami sejarah kita bukan hanya setakat penting tetapi *perlu*.

Pertama, suatu pemahaman sejarah kita membangkitkan kita untuk menjadi para wanita Tuhan yang kita perlu jadi. Dengan mengikuti teladan Wanita Suci Zaman Akhir yang mulia, kita dapat belajar dari masa yang lalu bagaimana menghadapi masa depan.³

Kedua, sejarah kita mengajar kita bahawa asas sama yang wujud dalam awal Gereja adalah asas dasar kita pada masa ini. Pengetahuan ini

dan tujuan kita—untuk meningkatkan iman dan kesolehan peribadi, memperkuat keluarga serta rumah tangga, dan menolong mereka yang perlu—menyambungkan masa lalu kita dengan masa sekarang.

Ketiga, ketika kita menghargai sejarah kita, kita dapat dengan lebih baik berkongsi warisan rohani kita. Presiden Henry B. Eyring, Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama, mengatakan: “Anda berkongsi warisannya ketika anda menolong orang lain menerima kurnia kasih yang murni. . . . Sejarah Lembaga Pertolongan dirakamkan dalam kata-kata dan nombor-nombor, tetapi warisannya dikongsi dari hati ke hati.”⁴

Terakhir, memahami sejarah kita akan menolong kita menjadi sebahagian efektif dalam Lembaga Pertolongan pada masa depan. Presiden Spencer W. Kimball (1895–1985) menjelaskan, “Kita tahu bahawa wanita yang ada penghargaan yang mendalam bagi masa lalu akan prihatin dalam membentuk masa depan yang solehah.”⁵

Julie B. Beck, presiden umum Lembaga Pertolongan.

Dari Tulisan Suci

Esther 9:28–29; Roma 16:1–2; Alma 37:8; Moroni 7:45–47

Dari Sejarah Kita

“Lembaga Pertolongan adalah pertubuhan Tuhan untuk wanita.”⁶ Sebagai nabi, Joseph Smith mengorganisasikan Lembaga Pertolongan pada 17 Mac, 1842. Kumpulan yang kecil dan berbagai-bagai orang yang hadir pertemuan pertama Lembaga Pertolongan adalah wanita yang berdedikasi seperti para isteri Lembaga Pertolongan hari ini. “Yang paling muda adalah tiga orang pemuda belasan tahun, dan yang tertua, seorang wanita yang berumur lima puluhan. Sebelas dari wanita itu berkahwin, dua ialah balu, enam belum kahwin, dan status perkahwinan salah satu darinya tidak diketahui. Latar belakang pendidikan mereka berbagai-bagai, sama juga dengan keadaan kewangan mereka. Keragaman mereka diperbesar banyak kali ketika keahlian pertubuhannya terus membesar. Walaupun demikian mereka masih bersatu.”⁷

CATATAN-CATATAN

1. Eliza R. Snow, “Lembaga Pertolongan Wanita” *Surat Khabar Deseret*, Apr. 22, 1868, 81.
2. Lihat *Pengajaran Nabi-Nabi Gereja: Joseph Smith*, (2007), 451.
3. Lihat L. Tom Perry, “Cara dari Masa Lalu untuk Menghadapi Masa Depan,” *Liahona*, Nov. 2009, 73–76.
4. Henry B. Eyring, “Warisan Lembaga Pertolongan yang Bertahan Lama,” *Liahona*, Nov. 2009, 124–25.
5. Spencer W. Kimball, “Hak-hak Istimewa Dan Tanggungjawab Para Isteri,” *Ensign*, Nov. 1978, 104.
6. Spencer W. Kimball, “Lembaga Pertolongan—Janji dan Potensinya,” *Ensign*, Mar. 1976, 4.
7. Jill Mulvay Derr, Janath Russell Cannon, and Maureen Ursenbach Beecher, *Para Wanita Perjanjian* (1992), 28.

***Apa yang Dapat Saya
Lakukan?***

1. Apa yang dapat saya lakukan untuk bantu para saudari yang saya kunjungi supaya mereka menerima kurnia kasih yang murni?

2. Apa yang dapat saya mula lakukan bulan ini untuk tolong membentuk masa depan saya supaya ia solehah? untuk keluarga saya? untuk orang yang lain?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari
www.reliefsociety.lds.org